

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

nd
ISSUE

72

info kampus



SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

MALAM WARISAN MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SIDANG 2015/2016 DAN MALAM PENGHARGAAN MANTAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SIDANG 2014/2015

info kampus
72nd ISSUE

9

Oleh: Nur Amira Binti Ramlee

Seramai 20 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sidang 2015/2016 telah menghadiri Malam Warisan Penyerahan Watikah MPP Sidang 2015 dan Malam Penghargaan Mantan MPP Sidang 2014/2015. Ahli Mantan MPP Sidang 2014/2015 juga turut menghadiri diri bagi memeriahkan lagi majlis malam tersebut dan menerima watikah penghargaan sebagai tanda kenangan sepanjang tempoh setahun bertugas. Majlis ini telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Sarawak di Hotel Grand Margherita, Kuching Sarawak pada 6 Februari 2016.

Majlis pada malam tersebut bermula sebaik sahaja pengumuman ketibaan Profesor Dato' Jamil Haji Hamali bersama Profesor Madya Wan Akil Tuanku Abdullah serta diiringi oleh YDP MPP Sidang 2015/2016, saudara Muhammad Afiq Hariz bin Khatem dan Mantan MPP Sidang 2014/2015, saudara Mohd Nazirin bin Abdul Rahman.

Seterusnya, sesi 'highlight' pada malam tersebut adalah merupakan sesi penyampaian cenderamata penghargaan kepada Mantan MPP dan diteruskan dengan sesi penyampaian watikah pelantikan kepada ahli MPP yang baru dilantik. Malam tersebut disajikan dengan persembahan daripada ahli Mantan MPP Sidang 2014/2015 dan beberapa persembahan daripada ahli MPP Sidang 2015/2016 sebagai penutup.

UiTM SARAWAK *STAF IDOL 2016*

Oleh: Siti Nursarjana Malim

Pertandingan Akhir UiTM Sarawak Staf Idol 2016 telah berlangsung dengan jayanya dalam suasana penuh warna-warni dan meriah pada malam 23 Februari 2016. Pertandingan ini turut disaksikan oleh Tetamu Kehormat iaitu Rektor UiTM Sarawak, Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Jamil Hj. Jamali.

Finalis telah dinilai dalam pusingan saringan yang telah diadakan pada 16 Februari 2016. Penjurian bagi Pertandingan Akhir telah dijalankan oleh tiga orang juri yang dilantik iaitu Pn. Siti Mardianah Maarod (juri jemputan), Pn. Dayang Nordiana Awang Othman (Pegawai Psikologi, UiTM Sarawak) dan En. Mohd Zaki Mohd Fadil (Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Sarawak).

Pihak KEKITA dengan kerjasama Unit Kebudayaan, UiTM Sarawak selaku penganjur pertandingan ingin merakamkan Sekalung Tahniah kepada semua finalis, terutamanya para pemenang UiTM Sarawak Staf Idol 2016. Senarai pemenang UiTM Sarawak Staf Idol 2016 adalah seperti berikut:

Kategori Solo (hadiah: trofi, wang tunai dan sijil)

- | | |
|---------|---|
| Pertama | : En. Adzwa Kamri (Ketua Unit Sukan) |
| Kedua | : En. Mohamad Napiah Abu Bakar (Unit Polis Bantuan) |
| Ketiga | : Pn. Balkhiz Ismail (Pensyarah Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur) |

Kategori Band Akustik (hadiah: trofi, wang tunai dan sijil)

- | | |
|---------|--|
| Pertama | : Pancha Sitara (Unit Pengurusan Kolej Kediaman) |
| Kedua | : Unit Sukan |
| Ketiga | : Itkustik (Unit Infotech) |

Persembahan Terbaik (hadiah: trofi dan hamper)

- | | |
|-----------------------|--|
| Kategori Solo | : Cik Siti Junaina Musa (Pensyarah Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi) |
| Kategori Band Akustik | : Pancha Sitara (Unit Pengurusan Kolej Kediaman) |





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my